

PAKEJ PERLEPASAN BERKUMPULAN

6H 4M SHANGHAI DISNEYLAND

26 Ogos 2017

Kerian Berganda di Kota Fesyen Shanghai 6 HARI 4 MALAM (ALL IN HALFBOARD)

Aturcara Perjalanan

Hari 01: Kuala Lumpur - Hong Kong - Shanghai (MM)

- Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Shanghai
- Menaiki penerbangan ke Shanghai
- Transit di Hong Kong
- Meneruskan penerbangan ke Shanghai
- Selamat tiba di Shanghai
- Makan malam
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Shanghai

Hari 02 : Shanghai - Suzhou - Shanghai (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi
- Bertolak ke Suzhou
- Menyusuri sungai di **Couple's Retreat Garden** dengan menaiki bot tradisional
- Melawat dan singgah solat di **Masjid Taipingfang**
- Makan tengahari
- Melawat **Suzhou Silk Factory**
- Bersiar-siar di sekitar **Shantang Street** yang merupakan sebuah pekan lama yang pernah menjadi hub pengangkutan terpenting di Suzhou
- Membeli-belah di **Shuzou Outlet Village**
- Makan malam
- Kembali ke hotel

Hari 03 : Shanghai (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi
- Membeli-belah cenderahati di **Shanghai Old Street** atau dikenali sebagai Chenghuangmiao Market
- Meneruskan lawatan ke **Yu Garden**
- Makan tengahari
- Melawat dan singgah solat di **Masjid Xiaotaoyuan**
- Melalui dan melihat pemandangan **Oriental Pearl Tower**
- Membeli-belah koleksi ubat-ubatan tempatan di **Tongren Traditional Herb Medicine**
- Membeli-belah barangan berjenama di **Nanjing Pedestrian Street**
- Makan malam
- Menikmati pemandangan indah **The Bund** di bandar Shanghai pada waktu malam dengan menaiki **Huangpu River Cruise**

- Kembali ke hotel

Hari 04 : Shanghai (SP)

- Sarapan pagi
- Bersuka ria di **Shanghai Disneyland** - merupakan taman tema Disneyland terbaru yang mula beroperasi pada Julai 2016 dengan pembinaan Istana Disneyland yang terbesar di antara kesemua taman tema Disneyland di dunia.
- Kembali ke hotel

Hari 05 : Shanghai - Hong Kong - Kuala Lumpur (SP/MT)

- Sarapan pagi
- Daftar keluar hotel
- Melalui **People Square**
- Makan tengahari
- Dihantar ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur
- Menaiki penerbangan ke Kuala Lumpur
- Transit di Hong Kong
- Meneruskan penerbangan ke Kuala Lumpur

Hari 06 : Kuala Lumpur

- Selamat tiba di Kuala Lumpur

*Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada tab 'Nota Penting' untuk mendapatkan maklumat penuh perlepasan.

Harga Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi Kuala Lumpur - Hong Kong - Shanghai - Hong Kong - Kuala Lumpur.
- Cukai lapangan terbang.
- Penginapan di hotel bertaraf 3 bintang beserta sarapan.
- Lawatan dan makan seperti dalam aturcara.
- Tiket masuk Disneyland Shanghai
- Pengangkutan dan juga khidmat pemandu pelancong.
- Tip kepada pemandu pelancong & pemandu bas.

Harga Tidak Termasuk

- Makan selain dalam aturcara.
- Bayaran bagasi lebih had.
- Caj peribadi di hotel : panggilan telefon, mini bar dll.
- Insurans perjalanan peribadi - Peserta amat digalakkan untuk mengambil insurans perjalanan peribadi. Sila hubungi 'Customer Service' untuk maklumat lanjut

Nota Penting

- **Aturcara lawatan, harga & jadual penerbangan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dan keadaan semasa.**
- Sila rujuk kepada pihak kami sebelum membuat sebarang pembelian tiket penerbangan domestik.
- Kemudahan cerek elektrik disediakan di hotel. Manakala seterika disediakan atas permintaan.
- Passport antarabangsa perlu sah sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh sampai ke Malaysia.
- Peserta hendaklah fax / emel / pos salinan passport 45 hari sebelum tarikh berlepas.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik (triple room). Oleh itu, penempahan 3 orang sebilik hanya menyediakan katil tambahan dan berdasarkan harga bilik berdua.
- Disarankan membawa kasut & pakaian yang sesuai kerana lawatan ini banyak melibatkan aktiviti berjalan kaki.
- Peserta perlu membaca TERMA & SYARAT terlebih dahulu sebelum bersetuju mengikuti pakej lawatan ini.
- Peserta dinasihatkan untuk menyemak sendiri senarai nama mereka yang disekat untuk keluar negara ('Blacklist': hutang bank, PTPN dan lain-lain).